

22/05/2003

`Kurang pembabitan Bank Negara wujud cabaran baru'

PENGURANGAN kadar campur tangan Bank Negara (BNM) sebanyak 50 mata asas atau 0.5 peratus kepada 4.5 peratus akan mewujudkan cabaran baru kepada sektor perbankan yang ketika ini sudah pun beroperasi dalam keadaan yang sukar.

Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM), Dr Rozali Mohd Ali, berkata, bagi peminjam, penurunan itu bagaimanapun mengurangkan kos perniagaan, sekali gus membolehkan mereka meningkatkan keupayaan dan daya saing.

"Ini sekali gus akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, ABM secara umumnya menyambut baik Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, dan menyifatkannya satu pakej komprehensif yang akan memberi manfaat kepada pelbagai sektor dalam ekonomi negara.

Pengerusi Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia, Tan Sri Azman Hashim, dalam kenyataannya pula berkata, walaupun pengurangan kadar campur tangan

BNM itu akan menyebabkan penurunan dalam margin keuntungan bank dan syarikat kewangan, namun dalam jangka panjang, ia adalah positif kerana mereka akhirnya akan menerima faedah daripada peningkatan kukuh kegiatan ekonomi.

Sementara itu, seorang penganalisis industri perbankan di syarikat broker saham, berkata penurunan kadar campur tangan BNM itu, yang secara langsung menurunkan had siling kadar pinjaman asas bank komersial dan syarikat kewangan masing-masing kepada enam peratus dan 6.94 peratus, sudah pasti mengurangkan margin keuntungan.

Langkah itu bagaimanapun akan menggalakkan bank dan syarikat kewangan supaya tidak bergantung semata-mata kepada faedah pinjaman sebagai sumber pendapatan utama, katanya.

Katanya, ini kerana kadar faedah pinjaman yang rendah akan menyebabkan bank dan syarikat kewangan meningkatkan penerokaan dalam perniagaan yang berasaskan yuran perkhidmatan.